

DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA

MALAYSIA

Penggal Yang Pertama

Atoran Urusan Meshuarat

Hari Selasa, 2hb. Mach, 1965.

Bil. 48

125

PERTANYAAN2 BAGI JAWAB MULUT

- *1. Enche C.V. Devan Nair bertanya kepada Menteri Buroh (a) menga-
pa-kah pihak Pengurus Sharikat Colgate-Palmolive Amerika
(Malaya) Tanggongan Berhad, Petaling Jaya, maseh enggan
mengi'tirafkan Kesatuan Sekerja Kimia Malaya yang mewakili
sa-bahagian besar pekerja2-nya; (b) ada-kah beliau akan
menimbangkan supaya di-ma'alumkan kepada Duta Amerika
Sharikat di-Malaysia dengan sa-berapa tegas yang boleh
bahawa kedegilan majikan Amerika yang tersebut ini khusus-
nya, ada-lah menggambarkan betapa burok-nya dasar buroh
di-Amerika Sharikat yang ada hubungan baik dengan negeri
ini, dan menchabul keperchayaan dasar buroh di-negeri ini;
dan (c) ada-kah beliau akan menimbangkan supaya menggunakan
jasa baik-nya untuk memujok Pihak Pengurus Sharikat Colgate-
Palmolive (Malaya) dengan Tanggongan Berhad itu supaya
menerima timbang antara yang adil sa-bagai satu jalan untuk
menyelesaikan masaalah2 dalam sengketa antara pihak Pengurus
itu dengan Kesatuan Sekerja yang berkenaan mengenai soal
pengiktirafan Kesatuan Sekerja tersebut.
- *2. Enche C.V. Devan Nair bertanya kepada Menteri Pengangkutan
apa-kah sebab2 di-minta bantuan sa-orang Pakar Keretapi
untuk menasihati-nya berkenaan dengan mengatorkan sa-mula
perjalanan Sistem Keretapi Tanah Melayu.
- *3. Enche C.V. Devan Nair bertanya kepada Menteri Pengangkutan
apa-kah tindakan yang telah di-ambil berkenaan dengan shor2
Rombongan Pakar2 Keretapi India yang telah menjalankan satu
kajian berkenaan dengan Sistem Keretapi Tanah Melayu lebih
kurang empat tahun yang lampau.
- *4. Enche Chia Chin Shin bertanya kepada Perdana Menteri ada-kah
Kerajaan memberi apa2 pertimbangan dalam usaha hendak
menggalakkan penduduk2 di-kawasan2 Ulu dalam Sarawak memper-
baiki keadaan hidup mereka dan menukarkan daripada diam
dalam rumah2 panjang untuk menerima ranchangan perumahan
bebas, dan dengan itu mengelakkan bahaya kebakaran dalam
kampong2.
- *5. Enche Chia Chin Shin bertanya kepada Perdana Menteri ada-kah
apa2 peruntukan wang di-buat untuk menampung belanja men-
dirikan Rumah2 To'kong China dalam Sarawak, seperti mana
yang biasa di-buat dalam Tanah Melayu.
- *6. Enche Chia Chin Shin bertanya kepada Menteri Pengangkutan
ada-kah Kerajaan berchadang hendak membaiki dan membesarkan
lagi Pelabohan Bintulu supaya membolehkan kapal2 besar
singgah di-situ, memandang kepada bertambah-nya lagi penge-
luaran getah dan kayu balak di-Bintulu.
- *7. Dr Tan Chee Khoon bertanya kepada Menteri Kesihatan ada-kah
beliau sedar akan kekurangan penderma2 darah di-seluruh
Negeri2 Tanah Melayu; jika sedar, apa-kah langkah2 yang di-
chadangkan-nya hendak di-ambil bagi memujok orang ramai
supaya menderma darah.
- *8. Dr Tan Chee Khoon bertanya kepada Menteri Kerja Raya, Pos dan
Talikom ada-kah beliau sedar akan kesukaran yang di-alami
oleh orang2 yang mengguna pondok talipon dan pelanggan2 talipon
apabila mereka hendak berhubung dengan opereter talipon, jika
sedar, apa-kah tindakan yang beliau berchadang hendak
mengambil untuk memperbaiki keadaan ini.

- *9. Dr Tan Chee Khoon bertanya kepada Menteri Pengangkutan apa-kah yang menyebabkan kemalangan yang berlaku di-persimpangan jalan raya dan jalan keretapi di-Segambut pada hari Ahad 7hb. Februari, 1965. Apa-kah tindakan yang telah di-ambil atau akan di-ambil untuk mengelak berlaku-nya lagi kemalangan seperti ini.

ATORAN URUSAN MESHUARAT DAN PEMBERITAHU USUL2

1. (DR. 7/65) Rang Undang2 Perbekalan Tambahan .. Bachaan
(1964) Kali Yang Kedua
2. (DR. 1/65) Rang Undang2 Mahkamah2 Shari'ah
(Kuat-kuasa Undang2 Jenayah) "
3. (DR. 2/65) Rang Undang2 Jenayah (Pindaan) "
4. (DR. 3/65) Rang Undang2 Peratoran Jenayah
(Singapura) (Pindaan) "
5. (DR. 4/65) Rang Undang2 Mengechap sa-mula
Undang2 Persekutuan "
6. (DR. 8/65) Rang Undang2 Pinjaman (Tempatan)
(Pindaan dan Melanjutkan) "
7. (DR. 9/65) Rang Undang2 Pinjaman Luar
(Badan2 Persatuan Kerajaan
Singapura) "
8. (DR. 5/65) Rang Undang2 Perusahaan
Perintis (Bebas daripada
Chukai) (Berbeza2) "
9. (DR. 6/65) Rang Undang2 Kewangan (Chukai
Pesaka) "
10. Usul di-keluarkan oleh Dr.Tan Chee Khoon dan Masaalah
di-chadangkan kepada Majlis:-
 - (a) Majlis ini memandang berat akan perbuatan Kerajaan Perikatan kerana enggan menghormati tanggung-jawab Kerajaan yang telah menjadi 'adat kebiasaan-nya sa-lama2 ini dan perjanjian2 yang di-buat dalam Majlis Kebangsaan Whitley untuk Perkhidmatan 'Awam dengan menolak semua sa-kali tawaran Professor Ungku Aziz dalam Mahkamah Orang Tengah bagi Perkhidmatan 'Awam dalam perbalahan mengenai gaji baharu2 ini di-antara pihak Kerajaan sa-bagai majikan dengan Kesatuan Pekerja2 Pejabat Pos sa-bagai wakil pekerja2, dan Majlis ini berhajat memelihara nama baik Malaysia dan ra'ayat-nya dan berhajat menjunjung dasar2 ke'adilan demi kepentingan semua orang2 kita, maka tindakan menolak semua sa-kali tawaran Ungku Aziz itu di-kesalkan;
 - (b) Oleh sebab mustahak sangat di-jaga ketenteraman perusahaan pada masa penting ini, Majlis ini meminta Kerajaan Perikatan supaya menyempurnakan lantikan anggota dalam Suruhanjaya Khas bagi mengkaji sa-mula Gaji Kaki-tangan ..

Perkhidmatan 'Awam seluruh Malaysia dengan sa-berapa segera yang boleh supaya semua kaki-tangan Kerajaan pada masa hadapan di-bayar gaji 'adil dan menasabah bagi kerja yang di-buat untuk Negara.

(1hb Mach, 1965) Masaalah di-bahath lagi.

11. Dr. Tan Chee Khoon akan menchadangkan:

Bahawa Majlis ini memandang berat akan kemaraan ka-arrah faham "totalitarianism" di-Malaysia yang telah di-boktikan dengan tahanan yang di-buat baharu2 ini ka-atas ketua2 Front Socialist serta ahli2-nya, dan Majlis ini menyeru Kerajaan Perikatan supaya mereka itu di-bawa bichara ka-mahkamah atau di-bebaskan dengan tidak bersyarat.

Risalat2 Yang di-bawa ka-dalam Meshuarat.

<u>1965</u>		<u>Tarikh di-bawa</u>
DR.1	Penyata Jawatan-kuasa Kira2 Wang Negara menurut Peratoran Meshuarat 86 (1)	25hb. Februari, 1965.
ST.29	Perintah mengubah Undang2 (Orang2 Yang di-sangka hidup lagi) (Meluaskan), 1965	28hb. Februari, 1965.
ST.25	Kenyataan Wang Pendahuluan Yang di-keluarkan daripada Kumpulan Wang Simpanan bagi tempoh 25hb November, 1964 hingga 28hb February, 1965.	1hb. Mach, 1965.
CMD.11	Kenyataan Wang Pendahuluan yang di-keluarkan daripada Kumpulan Wang Pendahuluan (Tempoh-nya daripada 25hb November, 1964 hingga 28hb Februari, 1965) dan Kenyataan Perbelanjaan Tambahaan yang di-buat dengan chara Pindah Peruntok.	1hb. Mach, 1965.
CMD.13	Kemalangan2 jalan raya di-Malaya tahun 1962.	1hb. Mach, 1965.